

Sorotan Literatur Penentuan Item *Hadd al-Kifayah* di Malaysia Berdasarkan Maqasid Syariah

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 1-13
 © The Author(s) 2024
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 2 September 2024
 Accepted: 28 September 2024
 Published: 16 October 2024

[Literature Review on the Determination of *Hadd al-Kifayah* Items in Malaysia Based on Maqasid Syariah]

Abdul Muzil Abd Rahim¹, Muhammad Nazir Alias¹ & Anwar Fakhri Omar^{1*}

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, MALAYSIA.
 E-mail: p128671@siswa.ukm.edu.my; nazir@ukm.edu.my; anwar.fpi@ukm.edu.my

*Corresponding Author: anwar.fpi@ukm.edu.my

Abstrak

Hadd al-kifayah merupakan konsep penting yang dipraktikkan dalam pengagihan harta zakat bagi memastikan kelangsungan hidup golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin terjaga. Di Malaysia, walaupun terdapat garis panduan umum yang ditetapkan oleh Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR), pelaksanaan *hadd al-kifayah* masih menunjukkan variasi antara negeri. Ketidakseragaman ini, yang berpunca daripada struktur pentadbiran agama yang desentralisasi, telah menimbulkan cabaran dalam memastikan keadilan dan konsistensi dalam penentuan status asnaf. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis dapatan kajian lepas berkaitan penentuan *hadd al-kifayah* di Malaysia berdasarkan maqasid syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes yang mengguna pakai metode analisis kandungan secara deskriptif dan tematik. Sumber-sumber berautoriti dalam Islam seperti al-Quran, hadis dan kitab-kitab fiqh turut dirujuk, di samping artikel-artikel berkaitan *hadd al-kifayah*. Hasil kajian mendapati bahawa keanjalan konsep *hadd al-kifayah* telah membuka ruang untuk mengintegrasikan elemen-elemen kontemporari seperti caruman KWSP, tabung haji, takaful, perubatan, hutang *daruriyyah*, teknologi, dan komunikasi dalam penetapan item *hadd al-kifayah* di Malaysia. Kajian juga mendapati bahawa terdapat gesaan daripada pengkaji lepas agar kajian berkaitan *hadd al-kifayah* ini diterokai menggunakan kerangka maqasid syariah bagi mempertingkatkan keberkesanan zakat di Malaysia. Kajian juga menunjukkan terdapat keperluan agar penyelidikan yang dapat menghubungkan pendekatan Islam dan konvensional dalam menangani isu kemiskinan di Malaysia dijalankan. Implikasi kajian ini diharap dapat dijadikan justifikasi dan panduan dalam membangunkan standard penentuan *hadd al-kifayah* baharu sebagai asas dan rujukan kepada setiap negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin..

Kata kunci: item, kesejahteraan, *hadd al-kifayah*, elemen, maqasid syariah

Abstract

Hadd al-kifayah is an important concept practiced in the distribution of zakat funds to ensure the livelihood of the asnaf, particularly the poor and needy. In Malaysia, although general guidelines are provided by the Department of Wakaf, Hajj, and Zakat (JAWHAR), the implementation of *hadd al-kifayah* still varies across states. This inconsistency, resulting from the decentralized structure of religious administration, has posed challenges in ensuring fairness and consistency in determining the status of asnaf. Therefore, this article aims to analyse previous research findings related to the determination of *hadd al-kifayah* in Malaysia based on the maqasid shariah. This study is a qualitative

case study that employs content analysis using descriptive and thematic methods. Authoritative Islamic sources such as the Qur'an, Hadith, and fiqh texts were also referred to, along with relevant articles on ḥadd al-kifāyah. The findings reveal that the flexibility of the ḥadd al-kifāyah concept has allowed for the integration of contemporary elements such as EPF contributions, pilgrimage savings, takaful, healthcare, essential debts, technology, and communication in determining ḥadd al-kifāyah items in Malaysia. The study also found that previous researchers have urged that studies related to hadd al-kifāyah be explored using the maqasid shariah framework to enhance the effectiveness of zakat in Malaysia. Furthermore, the research highlights the need for studies that can bridge Islamic and conventional approaches in addressing poverty issues in Malaysia. The implications of this study are expected to serve as a justification and guide in developing a new standard for determining ḥadd al-kifāyah, which can be used as a basis and reference by each state in identifying the asnaf categories of poor and needy.

Keywords: Keywords: items, welfare, *ḥadd al-kifāyah*, elements, maqasid shariah

Cite This Article:

Abdul Muzil Abd Rahim, Muhammad Nazir Alias, Anwar Fakhri Omar. (2024). Sorotan Literatur Penentuan Item Hadd al-Kifayah di Malaysia Berdasarkan Maqasid Syariah [Literature Review on the Determination of Hadd al-Kifayah Items in Malaysia Based on Maqasid Syariah]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 1-13.

Pengenalan

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam dan memainkan peranan penting sebagai mekanisme ibadat kewangan dengan fungsi berkaitan menyediakan bantuan sosial, keselamatan sosial, subsidi makanan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan pengangkutan awam. *Hadd al-kifāyah* pula merupakan konsep penting yang diperlakukan dalam pengagihan harta zakat bagi memastikan kelangsungan hidup golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin terjaga (Mohd Zaid et al. 2020). Istilah *ḥadd al-kifāyah* bukanlah suatu istilah yang dikemukakan oleh al-Quran atau al-Sunnah, tetapi menurut al-Fanjari (t.th) ia merupakan istilah yang diambil oleh para ulama daripada roh nas-nas tersebut seperti hadith Rasulullah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّمَا الْمِسْكِينَ الَّذِي يَطْوِفُ عَلَى النَّاسِ تَرْدُدُ الْأَقْمَةِ وَالْأَقْمَانَ، وَالثَّمَرَاتِ وَالثَّمَرَاتِ، وَلَكِنَّ الْمِسْكِينَ الَّذِي لَا يَجِدُ غُنْيَةً يُغْنِيهِ، وَلَا يُفْطِنُ لَهُ، فَيَتَصَدَّقَ عَلَيْهِ، وَلَا يَقُولُ فَيْسَأَ النَّاسَ" متفقٌ عَلَيْهِ.

Maksudnya: Bukanlah miskin itu seorang yang mendatang-datangi manusia, lalu diberikan kepadanya sesuap dua makanan dan sebutir dua buah kurma, tetapi miskin itu ialah seorang yang tidak memiliki sesuatu yang mengkayakannya dan dalam masa yang sama tidak melakukan sesuatu yang membuatkan orang bersedekah kepadanya, dan tidak juga dia bangun di hadapan orang dan meminta-minta daripada mereka. (al-Bukhārī 2002; Kitāb al-Zakāh; Bāb Qawl Allāh Ta‘alā 'Lā Yas'alūn al-Nās Ilhāfā'; Hadis 1479)

Terdapat pelbagai tafsiran ulama tentang definisi *ḥadd al-kifāyah* antaranya ialah Al-Fanjārī (t.th) yang merujuknya sebagai perbelanjaan yang perlu bagi keperluan sara hidup

bersesuaian dengan tahap purata kehidupan dalam masyarakat. Ia merupakan tahap yang melebihi tahap fakir dan miskin. Dari sudut peratusan bolehlah dikatakan perbelanjaan fakir di tahap 30%, miskin 80% dan *ḥadd al-kifāyah* adalah 100%.

Perbincangan berkaitan *ḥadd al-kifāyah* juga sering dikaitkan dengan perbincangan mengenai golongan fakir miskin, keperluan asas, kesejahteraan hidup (*wellbeing*), dan ekonomi semasa yang akhirnya membawa kepada pengaplikasian konsep *uruf* dan maqasid syariah dalam menentukan tahap kehidupan yang sewajarnya (Mohamed Saladin, Mohamed Azmil, & Siti Mariam 2020; Muhamad Zulfadli, Mohammad Taqiuddin, & Muhammad Shamshinor 2022; Rafi Alfian et al. 2023). Ini menunjukkan bahawa maqasid syariah merupakan antara elemen penting dalam merangka *ḥadd al-kifāyah*.

Majoriti fuqaha berpandangan bahawa pengukur kecukupan dan ketidakcukupan adalah berdasarkan kepada adat (*uruf* kebiasaan) dan tidak ditetapkan satu nilai khusus bagi menentukan kadar keperluan seseorang individu kecuali Mazhab Hanafi yang menentukan had kecukupan berdasarkan pemilikan nisab (Hammād 2017; Opir, t.th). Dari sudut waktu, konsep *kifāyat al-sanah* (kecukupan setahun) yang disokong oleh Mazhab Maliki dan Hanbali, serta *kifāyat al-‘umr* (kecukupan seumur hidup) yang dianjurkan oleh Mazhab Syafie, seperti yang dijelaskan oleh al-Ghazālī (2005) dan al-Qarādāwī (1973), turut memainkan peranan dalam penentuan tahap kemiskinan.

Secara zahirnya, tidak ditemukan maklumat di dalam al-Quran dan hadis yang menetapkan angka tertentu sebagai ukuran kemiskinan (Nurul Fadila 2023). Ini memberi ruang kepada para sarjana untuk menginterpretasi dan mengaplikasikan konsep ini mengikut kesesuaian zaman dan tempat.

Di Malaysia, konsep *ḥadd al-kifāyah* di antara negeri adalah sama iaitu mengikut konsep Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR) (2007) yang menetapkan ia sebagai kadar asas keperluan diri dan tanggungan yang minimum bagi menentukan tahap kelayakan penerima zakat dengan mengambil kira perbezaan tempat, masa, keperluan dan keadaan sosio-ekonomi. Penentuan elemen *ḥadd al-kifāyah* yang ditetapkan oleh JAWHAR yang mengambil kira enam aspek kehidupan iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan, dan pengangkutan, dinyatakan dapat memenuhi tuntutan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.

Selain itu, konsep *ḥadd al-kifāyah* juga turut digunakan sebagai item tolakan dalam pengiraan zakat pendapatan di Malaysia. Namun demikian, perbezaan kadar *ḥadd al-kifāyah* yang ditentukan mengikut kaedah pengiraan dan penilaian item setiap negeri menjadikan *ḥadd al-kifāyah* di Malaysia tidak selari serta menimbulkan pelbagai isu seperti ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap pengurusan zakat dan pembayaran zakat merentas negeri.

Perbezaan ini jelas dilihat pada penentuan item tolakan had kifayah yang ditetapkan oleh lima negeri yang mencatatkan statistik kutipan zakat terbanyak di Semenanjung Malaysia pada tahun 2022 iaitu, Selangor (RM 1,067,855,832.00), Wilayah Persekutuan (RM 928,302,963.05), Kedah (RM 252,250,187.78), Kelantan (RM 228,219,483.00) dan Terengganu (RM 228,036,120.32) (JAWHAR 2024). Jadual 1 menunjukkan perincian tersebut bersumberkan kepada laman sesawang kalkulator zakat pendapatan setiap negeri (LZNK 2024; LZS 2024; MAIDAM 2024; MAIK 2024; MAIWP 2024).

Jadual 1: Jenis item tolakan had kifayah yang diambil kira setiap negeri

Negeri Item Tolakan	Selangor	Wilayah Persekutuan	Terengganu	Kelantan	Kedah
Ketua keluarga/Diri	/	/	/	/	/
Isteri			/	/	/
Merupakan ibu/bapa tunggal/ tinggal		/	/		
Dewasa bekerja (18 tahun ke atas)	/	/			/
Dewasa tidak bekerja (18 tahun ke atas)	/	/	/	/	/
Tanggungan belajar IPT	/	/	/	/	/
Tanggungan 7-17 tahun	/	/	/	/	/
Tanggungan 6 tahun ke bawah	/	/	/	/	/
Tanggungan OKU	/	/	/		
Tanggungan pesakit kronik	/	/			
Penjagaan anak (asuhan)	/				
Pemberian kepada ibu/bapa				/	
Keluarga bermasalah		/	/		
Kos perubatan				/	
Caruman KWSP	/			/	/
Simpanan Tabung Haji	/			/	/
Mualaf			/		
Belanja lain-lain (kecemasan)				/	
Tempat tinggal (bandar/luar bandar)				/	
Kereta			/		

Ketidakseragaman ini berlaku kerana bidang kuasa agama diletakkan secara berasingan di bawah setiap negeri yang cenderung berbeza mengikut kesesuaian pembuat dasar (Afaf et al. 2023). Contohnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menetapkan enam item bagi *hadd al-kifayah* sama seperti yang telah ditetapkan JAWHAR (2007) iaitu tempat tinggal, makanan dan minuman, pakaian, pendidikan, perubatan serta pengangkutan. Adapun Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ) telah menambah tiga lagi item iaitu utiliti, komunikasi dan saraan moden (PKZ 2024). Justeru, terdapat gesaan dan cadangan daripada pengkaji semasa agar diwujudkan suatu garis elemen-elemen *hadd al-kifayah* yang selari di Malaysia berdasarkan maqasid syariah, sebagai rujukan utama bagi institusi zakat setiap negeri.

Penentuan *Hadd al-Kifayah* di Malaysia

Kajian oleh Azman et al. (2016) telah mengenal pasti 16 jenis tolakan *hadd al-kifayah* zakat pendapatan yang penting dalam pengiraan zakat di Malaysia. Jenis tolakan tersebut merangkumi saraan diri, isteri, anak, KWSP, ibu bapa, tabung haji, takaful, perubatan, hutang *daruriyyah*, pendidikan, anak cacat, pesakit kronik, PTPTN, sumbangan kepada baitulmal, kos

penjagaan anak dan caruman lain.

Fidlizan et al. (2017) yang melakukan analisis terhadap ketidakseragaman dalam penetapan *hadd al-kifāyah* perbelanjaan keperluan asasi (PKA) untuk pengiraan zakat pendapatan di Malaysia, mendapati bahawa perbezaan dalam jenis dan kadar PKA antara negeri bukan sahaja menyebabkan variasi dalam jumlah bayaran zakat pendapatan individu, malah berpotensi mendorong fenomena pembayaran zakat merentasi negeri secara meluas. Kajian ini menggesa agar penelitian semula terhadap perbezaan jenis PKA antara negeri dilakukan serta menyelidik kesesuaian mengaplikasikan beberapa elemen PKA yang dilaksanakan di Perlis, khususnya perbelanjaan ansuran kenderaan dan rumah, ke atas negeri-negeri lain di Malaysia. Selain itu, kajian ‘*Hadd al-kifāyah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis*’ oleh Mansor et al. (2017) telah berjaya menyenaraikan beberapa keperluan asas seperti makanan, minuman, tempat tinggal, pakaian, dan juga aspek-aspek kehidupan moden seperti pekerjaan, pengangkutan, dan alat komunikasi. Penekanan juga diberikan kepada keperluan jangka panjang yang boleh mengeluarkan seseorang daripada kitaran kemiskinan seperti pendidikan.

Zulfaqar, Azman, dan Hamzah (2018) dalam kajian mereka ‘*Penentuan Hadd al-kifāyah Dan Elemen Keperluannya Dalam Pembahagian Zakat Semasa*’ mendapati bahawa *hadd al-kifāyah* dalam konteks zakat memerlukan penilaian yang teliti bersesuaian dengan taraf kehidupan masyarakat dan zaman tertentu. Kajian tersebut menunjukkan bahawa elemen-elemen baharu seperti perubatan, bantuan pendidikan, peralatan komputer, kenderaan, alat komunikasi dan peralatan rumah perlu dipertimbangkan dalam pengiraan *hadd al-kifāyah*.

Kajian Mohd Adib et al. (2019) menunjukkan bahawa peningkatan kadar *hadd al-kifāyah* baharu bagi zakat pendapatan di negeri Kedah berpotensi meringankan beban pembayar zakat di samping mengekalkan keadilan kepada kedua-dua pihak, iaitu pembayar dan penerima zakat. Kajian semula terhadap kadar item tolakan dan nilai *hadd al-kifāyah* turut disarankan untuk mencerminkan realiti ekonomi semasa dan mencegah pengelakan pembayaran zakat. Kajian tersebut perlu merangkumi penilaian menyeluruh terhadap pelbagai aspek perbelanjaan isi rumah, termasuk keperluan asas, status pekerjaan isteri, tanggungan anak-anak, keperluan khas OKU dan pesakit kronik, serta kos penjagaan anak.

Tinjauan literatur Azman et al. (2020) mengenai penetapan *hadd al-kifāyah* di Malaysia, telah memberikan tumpuan terhadap kepelbagai item yang digunakan oleh pelbagai Majlis Agama Islam Negeri dalam menentukan *hadd al-kifāyah*, serta keperluan untuk membangunkan standard item *hadd al-kifāyah* baharu yang boleh dijadikan asas dan rujukan seragam bagi negeri-negeri dalam menentukan asnaf fakir dan miskin serta pembayar zakat.

Kajian Muhamad Noor Habibi (2020) yang menilai penentuan *hadd al-kifāyah* oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) melalui analisis komprehensif terhadap lapan kategori perbelanjaan utama keluarga, merangkumi tempat perlindungan, makanan, pakaian, pendidikan, perubatan, pengangkutan, utiliti, dan keperluan tambahan, berdasarkan soal selidik yang diadaptasi daripada Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang (PKZ) mendapati bahawa *hadd al-kifāyah* keseluruhan LZNK adalah RM1,213.91. Nilai yang diperoleh daripada purata perbelanjaan responden ini dianggap lebih realistik berbanding purata yang lebih rendah (RM810.01) yang terhasil apabila mengambil kira semua responden, termasuk yang tidak menjawab.

Hasil kajian Imaaduddin et al. (2022) menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaiannya yang ketara dalam kaedah pengiraan dan nilai tolakan antara negeri. Lembaga Zakat Selangor (LZS) menunjukkan pendekatan yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira penjagaan anak OKU dan penjagaan anak di rumah pengasuh, elemen yang tidak terdapat dalam Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang. LZS juga membezakan kategori pasangan dalam kelompok dewasa 18 tahun bekerja dan tidak bekerja. Berbeza dengan ZPP yang hanya mempunyai satu kategori anak, LZS dan PKZ Pahang mengkategorikan anak kepada tiga kumpulan iaitu anak IPT, anak 7 tahun ke atas, dan anak 6 tahun dan ke bawah. Penyelidik juga mencadangkan penyeragaman kalkulator zakat di seluruh negeri untuk memudahkan pengiraan zakat pendapatan, di samping mengekalkan fleksibiliti dalam nilai tolakan dan kategori khusus mengikut keadaan ekonomi dan sosial tempatan.

Pengaplikasian Maqasid Syariah dalam Menentukan *Hadd Al-Kifāyah*

Perbahasan berkaitan *hadd al-kifāyah* telah dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu dan kontemporari yang berkisar sekitar konsep, aspek dan hukum zakat yang berkaitan dengan *hadd al-kifāyah* (al-Fanjarī t.th; al-Nawawī t.th; al-Qaraḍāwī 1973; al-Qurṭubī 1996; al-Shāṭibī 1997; Zakariyyā al-Anṣārī t.th; Zulkifli 2010). Adapun kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana semasa berkaitan dengan pengimplementasian maqasid syariah dalam penentuan *hadd al-kifāyah* di Malaysia masih dinilai terhad.

Fadilah, Azra Shahnaz, dan Nurauliani (2015) mengetengahkan kepentingan mengambil kira pelbagai faktor dalam menilai kesan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), termasuk perbezaan kos sara hidup antara kawasan bandar dan luar bandar, ciri-ciri unik kemiskinan bandar berbanding luar bandar, serta pengaruh jantina ketua isi rumah terhadap jumlah bantuan yang diterima. Kajian ini turut menekankan keperluan untuk menilai semula keperluan dan perbelanjaan asnaf berdasarkan hierarki *maqasid* syariah, iaitu *darūriyyāt* (keperluan asas), *ḥājiyyāt* (keperluan sekunder), dan *taḥsīniyyāt* (keperluan pelengkap), bagi memastikan bantuan zakat yang diagihkan benar-benar memenuhi keperluan asnaf dalam konteks ekonomi pasca-GST.

Berdasarkan kajian Azman (2016), satu pendekatan inovatif telah dicadangkan untuk memperhalusi konsep *hadd al-kifāyah* zakat di Malaysia dengan mengintegrasikan prinsip maqasid syariah. Cadangan ini melibatkan pengkategorian keperluan individu kepada tiga peringkat utama iaitu *darūriyyāt* (keperluan asas), *ḥājiyyāt* (keperluan tambahan), dan *taḥsīniyyāt* (keperluan pelengkap).

Kajian ‘Penentuan *Hadd al-kifāyah* Zakat Berdasarkan Maqasid syariah’ oleh Azman, Tengku Mansur, dan Zulhilmi (2017) turut mengetengahkan pendekatan maqasid syariah sebagai alternatif yang inovatif dan komprehensif dalam penetapan *hadd al-kifāyah* zakat. Ia dapat diwujudkan dengan mengkategorikan keperluan kepada tiga peringkat iaitu item *darūriyyāt* yang meliputi makanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan dan pendidikan. Seterusnya item *ḥājiyyāt* merangkumi perubatan, utiliti dan komunikasi, serta item *taḥsīniyyāt* iaitu hutang. Item-item ini secara umumnya boleh diklasifikasikan sebagai tanggungan

peribadi, tanggungan keluarga dan perkara-perkara mendatang.

Kajian Mohamed Saladin, Mohamed Azmil, dan Siti Mariam (2020) pula telah memperkenalkan suatu pendekatan inovatif untuk mengukur kesejahteraan dari perspektif Islam, iaitu dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip maqasid syariah ke dalam kerangka pengukuran multidimensi yang boleh dilaksanakan. Kajian ini menyerlahkan potensi menggunakan lima dimensi utama maqasid syariah sebagai asas untuk membangunkan model pengukuran kesejahteraan yang lebih komprehensif dan selaras dengan nilai-nilai Islam.

Berdasarkan penemuan Hairunnizam et al. (2022), dalam kajiannya ‘*Penerokaan Konsep Kemiskinan Dimensi Agama dan Kerohanian dalam Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin*’, penggunaan indikator kemiskinan multi dimensi dan cadangan *hadd al-kifayah* multi dimensi merupakan pendekatan yang sangat relevan dan inovatif dalam konteks semasa. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap tahap kemiskinan asnaf, tetapi juga menawarkan fleksibiliti yang diperlukan untuk menghadapi cabaran ekonomi yang semakin kompleks.

Melalui kaedah kajian literatur sistematik, Darihan et al. (2022) telah mengenal pasti tujuh konsep kesejahteraan dari perspektif syariah dan sembilan dimensi maqasid syariah merangkumi penjagaan akidah, diri, akal, keturunan, harta, maruah, hak asasi manusia, entiti sosial, dan alam sekitar (ekologi). Penemuan ini membentuk asas yang komprehensif untuk memahami hubungan antara prinsip-prinsip Islam dan kesejahteraan manusia, serta menyediakan rangka kerja holistik bagi pembangunan sosio-ekonomi yang selaras dengan nilai-nilai Islam. Kajian ini menekankan kepentingan mengintegrasikan aspek spiritual, etika, dan material dalam usaha mencapai kesejahteraan yang sebenar menurut pandangan Islam.

Muhammad Nooraiman, Nurul Huda, dan Roza Hazli (2023) pula menggariskan trend dalam usaha untuk membangunkan indeks pembangunan sosio-ekonomi kemiskinan yang mengintegrasikan prinsip-prinsip maqasid syariah dan mendapati bahawa usaha untuk menggabungkan elemen maqasid syariah dalam pengukuran multidimensi kemiskinan masih terhad. Beliau melihat pengintegrasian konsep maqasid syariah dalam pembangunan indeks pengukuran kemiskinan yang holistik adalah kritikal untuk memberi gambaran yang lebih tepat tentang realiti kemiskinan dalam kalangan umat Islam selaras dengan tuntutan syariah.

Berdasarkan kajian Saiful et al. (2023), elemen-elemen seperti perawatan perubatan, pendidikan formal, pengangkutan peribadi, alat komunikasi, dan peralatan teknologi maklumat telah dikemukakan serta perlu dipertimbangkan sebagai keperluan asas dalam pengiraan *hadd al-kifayah*, dan bukan lagi hanya sekadar kehendak tambahan. Perkembangan ini mencerminkan keperluan untuk menyesuaikan parameter *hadd al-kifayah* dengan tuntutan kehidupan semasa, seterusnya memastikan sistem zakat kekal relevan dan berkesan dalam memenuhi objektifnya untuk membasi kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan ummah. Muhammad Nooraiman dan Najihah (2023) pula telah melakukan kajian perbandingan antara *hadd al-kifayah* dan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang menunjukkan bahawa kedua-dua rangka kerja ini mempunyai kelebihan tersendiri dalam mengukur kemiskinan di Malaysia. *Hadd al-kifayah* yang berdasarkan keperluan asas dan selaras dengan maqasid syariah dapat memberikan pendekatan yang holistik dengan mempertimbangkan komposisi isi rumah dan faktor-faktor relevan lain. Sementara itu, MPI menawarkan perspektif multidimensi terhadap kemiskinan.

Analisis Tinjauan Penentuan *Hadd al-Kifāyah* di Malaysia

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibentangkan, didapati pelbagai aspek *hadd al-kifāyah* telah dikaji, seperti jenis tolakan, ketidakseragaman antara negeri, dan keperluan semakan semula, namun, masih terdapat kekurangan kajian komprehensif mengenai kesan penyeragaman *hadd al-kifāyah* di peringkat nasional. Meskipun beberapa pengkaji seperti Fidlizan et al. (2017) dan Azman et al. (2020) telah menyentuh keperluan penyeragaman, implikasi penuh daripada pelaksanaan standard nasional masih belum diterokai secara menyeluruh.

Dari sudut aspek penentuan item, dapat disimpulkan bahawa penentuan *hadd al-kifāyah* dalam konteks zakat di Malaysia melibatkan pelbagai item dan elemen yang kompleks dan dinamik. Kajian-kajian seperti Azman et al. (2016), Mansor et al. (2017), dan Zulfaqar, Azman, dan Hamzah (2018) telah mengenal pasti pelbagai keperluan asas yang perlu dipertimbangkan dalam penentuan *hadd al-kifāyah*. Ini merangkumi keperluan tradisional seperti makanan, minuman, tempat tinggal, dan pakaian, serta keperluan moden seperti pengangkutan, komunikasi, dan pendidikan.

Selain itu, elemen-elemen tambahan yang mencerminkan realiti kehidupan kontemporari turut diambil kira. Ini termasuk perbelanjaan untuk caruman KWSP, tabung haji, takaful, perubatan, hutang *daruriyyah*, PTPTN, sumbangan kepada baitulmal, kos penjagaan anak, dan pelbagai caruman lain. Kajian oleh Muhamad Noor Habibi (2020) dan Imaaduddin et al. (2022) pula menunjukkan bahawa beberapa negeri telah mula mengambil kira elemen-elemen yang lebih terperinci seperti penjagaan anak OKU, penjagaan anak di rumah pengasuh, dan pembezaan kategori anak mengikut umur dan tahap pendidikan.

Walau bagaimanapun, terdapat variasi yang ketara dalam item dan elemen yang digunakan oleh pelbagai negeri di Malaysia, seperti yang ditekankan oleh Fidlizan et al. (2017) dan Azman et al. (2020). Ketidakseragaman ini bukan sahaja meliputi jenis item yang diambil kira, tetapi juga kadar dan nilai yang diperuntukkan untuk setiap item. Ini menimbulkan cabaran dalam mencapai keadilan dan keseragaman dalam penentuan *hadd al-kifāyah* di peringkat nasional.

Justeru, kajian lanjut diperlukan untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan pelbagai item *hadd al-kifāyah* yang sedia ada, serta mengkaji potensi pengintegrasian elemen-elemen baharu yang mencerminkan perubahan sosio-ekonomi semasa. Usaha ini penting untuk memastikan sistem penentuan *hadd al-kifāyah* di Malaysia kekal relevan, adil, dan responsif terhadap keperluan sebenar masyarakat Islam, sekaligus meningkatkan keberkesanan zakat sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan dan pembasmian kemiskinan.

Analisis Tinjauan Literatur Pengaplikasian Maqasid Syariah dalam Menentukan *Hadd al-Kifāyah*

Tinjauan literatur yang telah ditemui mengenai pengaplikasian maqasid syariah dalam penentuan *hadd al-kifāyah* di Malaysia pula mendedahkan beberapa kekurangan kajian yang

signifikan yang menunjukkan keperluan mendesak untuk penyelidikan lanjut dalam bidang ini. Walaupun terdapat usaha awal untuk mengintegrasikan prinsip maqasid syariah dalam penentuan *hadd al-kifayah* seperti yang diketengahkan oleh Azman (2016) serta Muhammad Nooraiman dan Najihah (2023), implementasi menyeluruh konsep ini masih terhad dalam konteks Malaysia. Kekurangan ini mencerminkan jurang antara teori dan praktis dalam aplikasi maqasid syariah terhadap sistem zakat semasa.

Seterusnya, keperluan untuk membangunkan model pengukuran kesejahteraan yang lebih holistik berasaskan maqasid syariah, seperti yang dicadangkan oleh Mohamed Saladin, Mohamed Azmil, dan Siti Mariam (2020), masih belum dipenuhi sepenuhnya. Ini menunjukkan potensi yang belum diterokai dalam menggunakan kerangka maqasid syariah untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan sistem kebajikan Islam di Malaysia.

Selain itu, terdapat jurang yang ketara dalam penyelidikan mengenai impak perubahan sosio-ekonomi terkini terhadap penentuan *hadd al-kifayah* dalam konteks maqasid syariah. Kajian Fadilah, Aza Shahnaz, dan Nurauliani (2015) mengenai kesan GST terhadap penentuan *hadd al-kifayah* menunjukkan keperluan untuk kajian lanjut yang mengambil kira pelbagai faktor ekonomi semasa dalam penentuan *hadd al-kifayah*.

Kekurangan kajian yang menggabungkan elemen maqasid syariah dalam pengukuran multidimensi kemiskinan, terutamanya dalam konteks Malaysia, juga digariskan oleh Muhammad Nooraiman, Nurul Huda, dan Roza Hazli (2023). Ini menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih holistik dalam memahami dan menangani isu kemiskinan dari perspektif Islam.

Lebih-lebih lagi, terdapat kekurangan penyelidikan mendalam mengenai integrasi dimensi agama dan kerohanian dalam penilaian kemiskinan dan penentuan *hadd al-kifayah*, seperti yang diketengahkan oleh Hairunnizam et al. (2022). Ini menunjukkan keperluan untuk mengembangkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang kemiskinan yang merangkumi aspek material dan spiritual.

Akhir sekali, kajian perbandingan yang menyeluruh antara *hadd al-kifayah* berasaskan maqasid syariah dengan indeks kemiskinan konvensional dalam konteks Malaysia, seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Nooraiman dan Najihah (2023), menunjukkan keperluan untuk penyelidikan yang dapat menjambatani pendekatan Islam dan konvensional dalam menangani isu kemiskinan.

Kelompongan-kelompongan ini secara kolektif menunjukkan keperluan mendesak untuk penyelidikan lanjut yang mengintegrasikan prinsip maqasid syariah dalam penentuan *hadd al-kifayah*, serta mengembangkan model pengukuran kesejahteraan yang lebih komprehensif. Kajian masa depan perlu memberi tumpuan kepada pengembangan kerangka teoretikal yang mengintegrasikan maqasid syariah dengan realiti sosio-ekonomi semasa, serta menerokai aplikasi praktikal konsep ini dalam sistem zakat dan kebajikan Islam di Malaysia. Penyelidikan sedemikian berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan sistem zakat, mempertingkatkan pengukuran dan cara menangani isu kemiskinan, serta menyumbang kepada pembangunan dasar sosial yang lebih responsif dan berkesan dalam konteks Malaysia.

Kesimpulan

Secara umumnya, terdapat keperluan mendesak untuk mengembangkan kerangka teoretikal dan praktikal yang mengintegrasikan prinsip maqasid syariah secara menyeluruh dalam penentuan *hadd al-kifayah*, sekaligus mempertimbangkan realiti sosio-ekonomi semasa dalam menangani isu kemiskinan dan kesejahteraan sosial dari perspektif Islam. Keanjalan konsep *hadd al-kifayah* telah membuka ruang untuk mengintegrasikan elemen-elemen kontemporer seperti teknologi dan komunikasi dalam definisi keperluan asas.

Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang yang signifikan dalam mengaplikasikan prinsip maqasid syariah secara menyeluruh dalam penentuan *hadd al-kifayah*. Penyelidikan masa depan perlu memberi tumpuan kepada pembangunan model yang bukan sahaja menangani keperluan material, tetapi juga merangkumi aspek spiritual dan etika dalam penilaian kesejahteraan. Pendekatan sedemikian berpotensi untuk merevolusikan sistem zakat dan kebijakan Islam di Malaysia, menawarkan penyelesaian yang lebih efektif dan berkesan dalam menangani isu kemiskinan dan ketidaksamarataan sosial, selaras dengan prinsip-prinsip Islam dan tuntutan masyarakat moden.

Rujukan

- Afaf Sukari, Azman Ab Rahman, Muhammad Faiz Abd Shakor, Syed Salim Syed Shamsuddin, & Zizi Azlinda Mohd Yusof. (2023). Analisis Literatur Sistematik Terhadap Penentuan Agihan Bantuan Kemiskinan kepada Golongan B40 di Malaysia: Systematic Literature Analysis on The Determination of The Distribution of Poverty Aid to The B40 Group In Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 70–86.
- Anhar Opir. (t.th). *Konsep had al-kifayah*. Jabatan Mufti Negeri Selangor. https://www.muftiselangor.gov.my/pdf_ebook/konsep_had_kifayah.pdf
- Azman Ab Rahman, Muhd Faiz Abd Shakor, Mohamad Anwar Zakaria, Nurul Shazwani Nordin, & Nur Ain Syafiqah Rahmat. (2020). Sorotan Literatur Kajian Penentuan Had Kifayah Di Malaysia. *Syariah and Law Discourse*, 1(1), 34–40.
- Azman Ab Rahman, Siti Zulaikha Mokhtar, Norlina Ismail, & Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin. (2016). Analisa Item Dan Kadar Penolakan Had Kifayah Zakat Pendapatan Di Malaysia. In *Isu Kontemporeri Had Kifayah Zakat dan Pengurusan di Malaysia* (1st ed.), hlm. 55–66. Nilai: Penerbit USIM.
- Azman Ab Rahman, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, & Zulhilmi Mohamed Nor. (2017). Penentuan Had Kifayah Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah. *Sains Insani*, 2(1), 48–53.
- Azman Ab. Rahman. (2016). Had Kifayah Zakat Di Malaysia: Isu Dan Cadangan. Dlm. *Isu Kontemporeri Had Kifayah Zakat Dan Pengurusan Di Malaysia* (1st ed.), hlm. 1–8. Nilai: Penerbit USIM.
- al-Bukhari, M. bin I. (2002). *Sahih al-Bukhari* (1st ed.). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Darihan Mubarak, Norfaizah Othman, Mariani Abd-Majid, & Suhaila Nadzri. (2022). Maqasid-Shariah And Well-Being: A Systematic Literature Review. *The Future of Applied Islamic Economics towards Achieving Socio-Economics Justice*, 170–201.

- Fadilah Mat Nor, Aza Shahnaz Azman, & Nurauliani Jamlus Rafdi. (2015). Kesan Pelaksanaan GST: Keperluan Penetapan Semula Had Kifayah. *2ndICoMM*, 385–392.
- Fanjari al-, M. S. (t.th). *Al-Islam wa al-Tawazun al-Iqtisadi baina al-Afrad wa al-Dual*. Al-Maktabah al-Syamilah. <https://shamela.ws/book/11527>
- Fidlizan Muhammad, Salwa Amirah Awang, Mohd Yahya Mohd Hussin, & Abdul Majid Tahir Mohamed. (2017). Sorotan Perbezaan Had kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi dan Kesannya dalam Pengiraan Zakat Pendapatan. *Akademika*, 87(2), 89–103.
- al-Ghazali, A. H. M. bin M. (2005). *Ihya 'Ulum al-Din* (1st ed.). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Hairunnizam Wahid, Nik Mohd Azim Nik Ab Malik, Mohamad Syahmi Mat Daud, Mohd Ali Mohd Noor, & Wan Ahmad Fadhli Shah Wan Mohd Zain. (2022). Penerokaan Konsep Kemiskinan Dimensi Agama dan Kerohanian dalam Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin. Dlm. Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor (pnyt.), *Pengurusan zakat di Malaysia: Kemiskinan pelbagai dimensi dan kesejahteraan hidup asnaf* (1st ed.) hlm. 13–28. Bangi: EKONIS, Fakulti Ekonomi & Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hammad, H. A. al-Karim. (2017). Dhobit hadd al-kifayah fi istihqaq al-zakah wa 'anasiruhu wa mada ikhtilafuhu tab'an li al-zaman wa al-makan. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 7(2), 22–45.
- Imaaduddin Abdul Halim, Saiful Nizam Warris, Muhammad Che Saad, Hisyam Mohd Radzi, Dahlan Abdullah, & Ahmad Zia Ul-Saufie. (2022). Perbandingan Kalkulator Zakat Pendapatan Negeri Pulau Pinang, Pahang Dan Selangor: Kajian Analisa Kandungan Laman Web. *Science & Digital Technology In E-Learning Future Trends*, 4, 53–61.
- JAWHAR, Jabatan Wakaf Haji dan Zakat. (2007). *Manual Pengurusan Agihan Zakat* (1st ed.). Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- JAWHAR, Jabatan Wakaf Haji dan Zakat. (2024). *Statistik Kutipan Zakat Seluruh Malaysia. Portal Pengurusan Maklumat Zakat Dan Baitulmal Malaysia*. https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_stat.php
- Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). (2024). *Jom Zakat Kedah: Zakat Pendapatan*. Lembaga Zakat Negeri Kedah. <https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/tabkirazakat.php?op=1>
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). (2024). *Zakat Pendapatan*. Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/zakat-pendapatan/>
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (2024). *Kalkulator Zakat Pendapatan*. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. https://zakat.e-maiik.my/v8/kalkulator/zakat_pendapatan.php
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). (2024). *Kalkulator Had Kifayah MAIDAM*. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. <https://app3.maidam.gov.my/kifayah/>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). (2024). *Kalkulator Had Kifayah*. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. <https://www.maiwp.gov.my/portal-main/kalkulator-kifayah>

- Mansor Sulaiman, Hasan Ahmad, Ahmad Irfan Ikmal Hisham, & Noradilah Md Nordin. (2017). Had al-Kifayah sebagai Garis Pembeza antara Golongan Susah dan Senang dalam Sesebuah Masyarakat: Suatu Tinjauan Kritis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1), 34–44.
- Mohamed Saladin Abdul Rasool, Mohamed Azmil Mohd Yusof, & Siti Mariam Ali. (2020). Wellbeing of the Society: A Maqasid al-Shari'ah Approach. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, Special Issue 1, 25–46.
- Mohd Adib Abd Muin, Mohd Sollehudin Shuib, Azizah Che Omar, Amirul Haqeem Abd Ghani, Ruhaida Saidon, & Herman Shah Anuar. (2019). Kesan kadar haddul kifayah baharu dalam zakat pendapatan di negeri Kedah satu pengenalan. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy*, 1(2), 94–102.
- Mohd Zaid Mustafar, Rawi Nordin, S Salahudin Suyurno, Muhammad Taufik Md Sharipp, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz, & Muaz Mohd Noor. (2020). Penilaian Had Al-Kifayah Dalam Membangun Sosioekonomi Asnaf: Sorotan Literatur. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 55–66.
- Muhamad Noor Habibi Long. (2020). Had kifayah zakat: Satu parameter agihan yang dinamik. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy*, 2(2), 182–187.
- Muhamad Zulfadli Abdul Rahman, Mohammad Taqiuddin Mohamad, & Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. (2022). Indeks Kemiskinan Multidimensi Global: Analisis Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(1), 1–22.
- Muhammad Nooraiman Zailani & Najihah Abd Razak. (2023). Comparative Analysis of Had Kifayah and Multidimensional Poverty Index as Poverty Measurement in Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 13(2), 12–21.
- Muhammad Nooraiman Zailani, Nurul Huda Mohd Satar, & Roza Hazli Zakaria. (2023). Multidimensional poverty measurement from Islamic perspectives: A survey of the literature. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 31(1), 77–98.
- al-Nawawi, Y. bin S. (t.th). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Nurul Fadila. (2023). Kemiskinan dan Alat Ukur Kemiskinan dalam Islam. *Journal on Education*, 5(3), 9662–9673.
- Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ). (2024). *Zakat Pendapatan*. Pusat Kutipan Zakat Pahang. <https://zakatpahang.my/zakat-pendapatan/>
- al-Qaraḍāwī, Y. (1973). *Fiqh al-Zakah* (2nd ed.). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qurtubi, A. 'Abbas A. bin 'Umar. (1996). *Al-Mufhim li Ma U'shkila min Kitab Talkhis Muslim* (1st ed.). Beirut: Dar Ibn Kathir - Dar al-Kalam al-Tayyib.
- Rafi Alfian Hibrizie, Pranata Acun Sandriya, Rizky Fadillah Adrian, M Backtiar, & Yayat Suharyat. (2023). Pandangan Islam Tentang Kesejahteraan Hidup Ekonomis. *Student Scientific Creativity Journal*, 1(3), 349–369.
- Saiful Nizam, Ahmad Zia, Muhammad, Hisyam, Dahlan, & Imaaduddin. (2023). Penentuan kerangka had kifayah negeri Pulau Pinang: Pandangan fuqaha terhadap elemen had al-kifayah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(52), 8–20.

- Syatibi al-, I. bin M. bin M. (1997). *Al-Muwafaqat* (1st ed.). Cairo: Dar Ibn 'Affan.
- Zakariyya al-Ansariyy, A. Y. Z. bin M. (t.th). *A'sna al-Matalib fi Syarh Raud al-Talib*. Al-Maktabah al-Syamilah. <https://shamela.ws/book/11468>
- Zulfaqar Mamat, Azman Abdul Rahman, & Hamzah Abd al-Karem Hamad. (2018). Penentuan Had Kifayah Dan Elemen Keperluannya Dalam Pembahagian Zakat Semasa: Determination of (Had Kifayah) and Its Element Based on Current Zakat Distribution. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7, 105–128.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2010). *Ahkam wa Fatawa al-Zakah: Pelbagai Hukum dan Fatwa Zakat* (1st ed.). Bangi: Darul Syakir Enterprise.